

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 (71)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2014/2014-2015)
BILANGAN 3 TAHUN 2014**

Tarikh	: 30 April 2014 (Rabu)
Masa	: 9.30 Pagi – 12.23 Petang
Tempat	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
Hadir	: Seperti dilampirkan kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

- 2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 10 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Mac dan April tahun 2014.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

3.1 *GLOBAL COMPETITIVENESS INDEX 2013-2014*

Global Competitiveness Index 2013-2014 yang diumumkan oleh *World Economic Forum* meletakkan Malaysia di kedudukan 24, iaitu satu tangga lebih rendah berbanding tahun 2012-2013 ataupun di tangga ke-8 antara negara di benua Asia. Negara kita mencatat markah 5.03 berbanding dengan 5.67 bagi Switzerland dan 5.61 Singapura yang menduduki 2 tangga teratas. Indeks ini diukur dengan 12 tunggak daya-saing negara, iaitu institusi, infrastruktur, persekitaran ekonomi makro, kesihatan dan pendidikan asas, pendidikan tinggi dan latihan, pasaran yang efisyen, keberkesanannya, pasaran buruh, pembangunan pasaran kewangan, kesediaan teknologi, saiz pasaran, kompleksnya perniagaan dan akhirnya inovasi.



Apa yang tertarik kepada Majlis adalah tahap infrastruktur negara kita pada tangga ke-29 dengan markah 5.19. Bagi meningkatkan daya-saing negara khasnya dan bandar amnya, forum tersebut mengesyorkan pemangkin efisyen dan juga inovasi perlu dipertingkatkan dalam penyediaan infrastruktur dan persekitaran yang kondusif untuk urus niaga serta mewujudkan institusi dan peraturan yang lebih mesra pelanggan. Ke arah tersebut, Majlis dan semua agensi hendaklah sentiasa berusaha mengurangkan biroksasi dan kerentak pentadbiran dalam proses perancangan pembangunan. Di samping itu, mewujudkan inovasi dari segi penyediaan prasarana dan kemudahan awam di bandar.

Sebagai contoh, mengintegrasikan pengangkutan awam dengan aktiviti serta tingkah laku pengguna jalan demi menggalakkan kekerapan dan jarak yang lebih jauh bagi perjalanan. Dalam hal ini, kepelbagaiannya kegunaan kemudahan awam seperti perhentian bas, laluan pejalan kaki dan basikal, papan tanda informasi pengangkutan awam, kemudahan *Park N Ride* hendaklah ditinjau semula. Misalnya perhentian bas dijadikan fokus utama *WIFI-Free* bagi menggalakkan pembacaan ataupun kelengkapan jasmani diadakan seperti buaian bagi tujuan latihan ataupun lipurdiri sementara orang ramai menunggu kedatangan bas.

3.2 **LIVEABLE CITIES FORUM: BUILDING RESILIENT COMMUNITIES**

Liveable Cities Forum: Building Resilient Communities anjuran ICLEI Kanada di Vancouver baru-baru ini merumuskan bahawa daya saing dan daya huni sesebuah bandar adalah bergantung kepada tahap *resilient* (daya tahan lasak) penempatan tersebut. *Resilience* merupakan keupayaan sesebuah bandar menyediakan kelebihan di dalam jangkaan kepada penduduk dan pengguna serta pulangan dalam jangkaan kepada pelabur di bawah keadaan yang berbeza dan meluas. Tahap *resilient* adalah berdasarkan kepada kapasiti adaptasi dan tindak balas bandar ke atas risiko perubahan iklim, persaingan ekonomi dan *vulnerability of community*.

Ke arah mempertingkatkan tahap *resilient* bandar, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah mengambil langkah pencegahan yang proaktif ke atas perubahan iklim, demografi dan corak pelaburan bukan saja setempat malah di seluruh dunia menerusi pendekatan kolaborasi dan *mainstreaming*, rakan perkongsian serta penyelesaian di skala wilayah. Laporan Bank Dunia menunjukkan bahawa pampasan ke atas kerugian dan kehilangan akibat daripada iklim melampau akan meningkat 10 kali ganda menjelang tahun 2020.

Pelbagai pendekatan dan amalan baik yang dilaksanakan oleh pihak berkepentingan lain di merata dunia telah dikongsi bersama bagi memperbaiki tahap *resilient* bandar dalam Forum tersebut. Antaranya termasuk analisa pengurusan risiko tempatan ke atas projek infrastruktur bandar, konsep perkongsian ataupun *resources sharing* di bawah *sustainable consumption, social retrofit* bagi meningkatkan *wellbeing* masyarakat. Begitu juga bagaimana PBT memobilisasikan komuniti dalam 5 kapita, iaitu kapita alam semulajadi, fizikal, ekonomi, insan, sosial dan budaya akan menentukan tahap *resilient* bandar.

Pada masa yang sama, Kajian *Resilient Cities 2014 Grosvenor* ke atas 50 bandar di dunia meletakkan 3 bandar di Kanada di tangga teratas, iaitu Toronto, Vancouver dan Calgary. Manakala Tokyo yang menduduki tangga ke-26 merupakan bandar yang paling *resilient* di Benua Asia. Majlis sebagai PBT seharusnya mengambil iktibar ke atas resolusi Forum tersebut demi memperbaiki lagi tahap *resilience* bandar Petaling Jaya. Sebagai contoh, masa respon serta pemulihan Majlis ke atas krisis kecemasan banjir dan bencana alam dan spesifikasi reka bentuk infrastruktur sedia ada, liputan penutupan kawasan hijau dan tumbuhan, kemampuan penduduk Petaling Jaya meningkatkan *resilience* atas komitmen kewangan dan tekanan hidup di bandar merupakan antara faktor yang perlu diberi penekanan.

3.3 PROJEK PERINTIS LIVABLE CITY PETALING JAYA @ SECTION 52

Majlis telah menetapkan aspirasi untuk merancang pembangunan bandar raya Petaling Jaya sebagai suatu bandar yang berdaya huni, dicintai dan berjiwa. Bandar yang berjiwa adalah satu hospitaliti dan bukannya industri. Ia adalah suatu cara hidup dan suatu sistem yang sentiasa terbuka. Menyedari hakikat ini, perancangan pembangunan harus difokuskan kepada usaha mewujudkan ruang awam yang berfungsi bagi mewujudkan interaksi sosial di kalangan penghuni bandar. Majlis menginginkan supaya penghuni bandar dapat bekerja, bermain dan tinggal di kawasan bandar dengan semangat, rasa nikmat dan sepenuh hati.

Justeru itu, Pusat Bandar Seksyen 52 telah dipilih sebagai projek perintis *Livable City Petaling Jaya @ Section 52*. Pelaksanaannya adalah berteraskan kepada prinsip *Cities For People* di mana perancangan pusat bandar separa wilayah ini akan berteraskan kepada prinsip pembangunan mampan alam sekitar, berdasarkan strategi yang merangkumi komponen pengwujudan ruang-ruang awam iaitu dataran, plaza, taman-taman dan jalan (*square, plaza, parks & street*).

Komponen pembangunan akan merangkumi lima elemen berikut:

- a. Pembangunan Berorientasi Transit (TOD) dan Pengangkutan Awam Bersepadu iaitu:
 - Pelaksanaan sistem jalan sehala Seksyen 52 yang akan dilaksanakan mulai Jun 2014, melibatkan Jalan Barat, Jalan Utara, Jalan Timur, Jalan Sultan dan Jalan Yong Shook Lin. Pelaksanaan sistem baru ini dijangka mampu meredakan kesesakan lalu lintas yang berlaku di jalan-jalan sekitar Pusat Bandar Seksyen 52 pada setiap waktu puncak.
 - Seiring dengan pelaksanaan tersebut, Majlis sedang melaksanakan kemudahan *Park N Ride* bersebelahan stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Asia Jaya yang melibatkan penyediaan 600 petak letak kereta dan perkhidmatan suaan (*feeder service*).
 - Laluan pejalan kaki dan basikal sepanjang 6km yang mengelilingi Pusat Bandar Seksyen 52 akan disediakan di bawah projek *PJ Walk*. Projek ini adalah sebahagian daripada Program *Sustainable Transportation* yang melibatkan 56km laluan bagi keseluruhan kawasan Petaling Jaya di mana sehingga kini 13km telah siap dibina dan sepanjang 16km lagi dijadualkan dibina pada tahun ini.
- b. Reka bentuk Bandar Berinovatif (*Innovative Urban Design*)
 - Mengecat semula bangunan, mengindahkan lorong belakang kedai dan penyediaan seni jalanan (*street art*).
- c. Kemudahan Awam (*Public Amenities*)
 - Prasarana *PJ Walk* :- Pembinaan pentas utama, Pentas mini, *Boulevard*, kiosk jualan, pintu gerbang, lampu hiasan di Menara MBPJ dan papan tanda.
 - *PJ Planning Exhibition Centre*.
- d. Bandar Bebas Halangan dan Persekutaran Selamat (*Barrier Free & Safe Environment*)
 - Penyediaan tempat letak kereta Orang Kurang Upaya (OKU), *Tactiles* / laluan pejalan kaki, Ramp, Lintasan pejalan kaki, hentian bas mesra OKU (menaik taraf sembilan hentian bas sedia ada).



e. Persekutaran Hijau (*Green Environment*)

- Mewujudkan Landskap lembut & kejur :- Mengadaptasi konsep *vertical green* & *rooftop garden*, *pocket park* dan penanaman pokok.

Dengan aspirasi ini, beliau berharap agar projek perintis *Livable City Petaling Jaya @ Section 52* ini mampu dihayati dan diperlihatkan sebagai contoh bandar berdaya huni dan dicintai, mesra fizikal, sosial dan spiritual, hijau, bersih dan nyaman.

3.4 HARI KESIHATAN SEDUNIA DAN MENANGANI WABAK DEMAM DENGGI

Hari Kesihatan Sedunia disambut setiap tahun pada 7 April sejak tahun 1950 yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Hari Kesihatan Sedunia disambut untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu-isu kesihatan global semasa yang khusus. Bertemakan ‘Gigitan Kecil, Ancaman Besar’ (*Small Bite, Big Threat*), Hari Kesihatan Sedunia tahun ini menumpukan kepada wabak Demam Denggi kerana gigitan kecil nyamuk Aedes boleh menyebabkan jangkitan penyakit yang serius. Insiden membimbangkan terhadap wabak Demam Denggi bukan sahaja dihadapi di negara ini malah seluruh dunia dibebani dengan kadar meningkatannya yang tinggi dan merebak dengan sangat cepat.

Kira-kira 40% atau 2.5 billion daripada penduduk dunia menghadapi risiko untuk dijangkiti. Malah WHO menganggarkan 50 sehingga 100 juta wabak Demam Denggi dikesan pada setiap tahun. Usaha mengurangkan wabak Demam Denggi termasuk kawalan dan pemantauan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Petaling bersama Majlis sendiri amat memberi makna dalam menangani masalah ini seperti tindakan *fogging*, pemeriksaan jentik-jentik dan gotong-royong. Hari Kesihatan Sedunia diharap dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang ancaman wabak Demam Denggi terutamanya nyamuk Aedes, iaitu pembawa penyakit yang boleh membunuh.

Setiap keluarga dan komuniti perlu mengambil iktibar kerana sehingga 4 April 2014, sebanyak 63 kematian dan 26,107 kes Demam Denggi dilaporkan berlaku di Malaysia. Bagi kawasan Petaling Jaya dari Januari sehingga 22 April 2014, sebanyak 2284 kes Demam Denggi telah dilaporkan. Manakala bagi tempoh 1 hingga 22 April 2014, 328 kes Demam Denggi telah dilaporkan. Terdapat 21 kawasan wabak di mana 11 kawasan wabak tidak terkawal dan 20 kawasan terkawal. Sejumlah 1891 premis telah diperiksa, antaranya ialah rumah kediaman, sekolah, tapak

pembinaan dan kilang perusahaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 50 premis positif menjadi tempat pemberian nyamuk Aedes.

Amalan gotong-royong dan keprihatinan Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga (RT) dengan kerjasama Ahli-Ahli Majlis dan Jabatan Kesihatan Persekutuan diharap dapat dilaksanakan di seluruh kawasan Petaling Jaya dengan lebih kerap supaya dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak Demam Denggi. Beliau berharap masyarakat dapat berganding bahu bersama-sama dengan Majlis berusaha ke arah masyarakat prihatin dalam menjaga kebersihan dan melindungi diri daripada gigitan nyamuk Aedes serta melaksanakan tanggungjawab untuk memusnahkan tempat-tempat pemberian nyamuk Aedes.

3.5 KESIHATAN SEJAHTERA

Good health ataupun kesihatan sejahtera bukan setakat melihat dari segi ketiadaan penyakit wabak saja tetapi menilai sistem PHC (*primary health care system*) yang meliputi senario kesihatan yang berintegrasi dan menyeluruh meliputi keadaan fizikal, mental dan kesejahteraan sosial masyarakat. Daripada 5 jenis penyakit NCD (*communicable and non-communicable diseases*) utama dan juga 5 jenis penyakit mudah dikesan (*noticeable*) di Malaysia, hampir kesemuanya adalah *area-related* dan berpunca daripada kualiti persekitaran setempat dan gaya hidup masyarakat. Seiring itu, bagi mewujudkan kesihatan sejahtera komuniti, langkah adaptasi yang proaktif bagi mencegah penyakit tersebut berjangkit hendaklah diambil bukan saja oleh pihak berkuasa kesihatan, malah Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis dan masyarakat memainkan peranan yang penting.

Majlis boleh menggalakkan gaya hidup yang sihat ataupun *healthy lifestyles* serta *self-community empowerment to increase responsibility to health* menerusi perancangan dan pembangunan fizikal yang komprehensif, penyediaan kemudahan berlipurdiri yang mempromosikan latihan jasmani di luar bangunan, menganjurkan program-program kemasyarakatan dan pemakanan yang sihat dan sejahtera di samping mengurangkan insiden yang akan meningkatkan ketegangan dan kebimbangan masyarakat seperti kesesakan lalu lintas, konflik antara jiran dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan bandar.

Memandangkan bahawa warga emas meliputi hampir 15% daripada jumlah penduduk Petaling Jaya, penglibatan Majlis menerusi tindakan adaptasi dalam aspek ini akan diberikan fokus selaras dengan prinsip *PJ Sustainable 2030*. Ke arah ini dan sebagai permulaan, Majlis akan bersama majalah *Urban Health* menganjurkan satu program *Young At Heart* di Tropicana Medical Centre pada 16 Ogos 2014. Kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran awam dan mendidik masyarakat terutamanya warga emas dan golongan produktif cara-cara menikmati kualiti hidup yang sihat menerusi pendekatan keseimbangan dalam gaya hidup. Pengetahuan berkenaan pemakanan, perubahan gerak-geri tubuh-badan, latihan jasmani dan kesihatan mental akan diberi tumpuan.

3.6 PENGURUSAN KUTIPAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN AWAM

Majlis telah membelanjakan sejumlah RM55.17 juta dalam menguruskan sejumlah 144,000 tan sampah dan pembersihan awam sepanjang tahun 2013. Ini bermakna sebanyak 4.7 juta tan gas karbon dioksida telah dijanakan daripada punca sampah sahaja. Dengan mengambil kira jumlah kos pengurusan sampah dan juga sampah yang dikutip, ini bermakna setiap penduduk Petaling Jaya telah menjanakan 0.59 kg sampah setiap hari dan kos pengurusan yang ditanggung oleh Majlis adalah RM0.19 sekilogram ataupun RM42 seorang setahun.

Sekiranya kita dapat mengurangkan kuantiti sampah sebanyak 20%, iaitu sasaran sejajar dengan kadar kitar semula kebangsaan menjelang tahun 2020, secara tidak langsung Majlis akan dapat menjimatkan kos pengurusan sampah sebanyak RM5.4 juta setahun dan seterusnya pengurangan penjanaan karbon dioksida sebanyak 940,000 tan. Pengamalan konsep 3R (*Reduce, Reuse & Recycle*) bukan saja akan membantu Majlis menjimatkan kos pentadbiran bandar, malah dapat mengurangkan penjanaan gas karbon dioksida.

Bagi pengurusan kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan awam, Majlis telah melantik 108 kontraktor, namun 24 daripadanya dibuat tawaran semula kerana setelah diteliti, masih terdapat kontraktor yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sebanyak 84 kontraktor telah memulakan tugas mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan. Prestasi kontraktor akan dipantau dengan serius oleh pengawas-pengawas Jabatan Kesihatan Persekutuan yang telah ditempatkan mengikut kawasan. Majlis akan mengambil tindakan tegas iaitu menamatkan kontrak kerja terhadap kontraktor yang bermasalah dan gagal melaksanakan kerja mengikut jadual dan spesifikasi.

Bagi mengatasi masalah di kawasan-kawasan yang belum mempunyai kontraktor, Majlis telah menyediakan pasukan *back up*. Pasukan ini terdiri daripada kontraktor yang tidak dipilih tetapi menunjukkan prestasi yang baik semasa melaksanakan kerja kutipan sampah sebelum ini. Pada masa yang sama, Majlis telah mengenal pasti 40 tempat pembuangan sampah haram di seluruh kawasan Petaling Jaya dan telah diambil tindakan pembersihan. Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan akan diteruskan dari semasa ke semasa. Seiring dengan itu, Majlis telah meletakkan kamera litar tertutup (CCTV) serta bekerjasama dengan Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga (RT) yang boleh membantu keberkesanan tindakan bagi mengatasi perkara ini.

Fokus tindakan pemantauan dan penguatkuasaan utama ialah di tempat yang sering menerima aduan berulang dan sampah yang dibuang dengan skala besar dengan menggunakan kenderaan. Orang ramai juga boleh menghubungi talian *hotline* 24 jam Majlis, 03 79542020 untuk melaporkan sekiranya ternampak atau menyaksikan perbuatan tidak bertanggungjawab ini. Dengan saksi dan bukti yang kukuh, Majlis boleh melaksanakan tindakan kompaun dan mahkamah terhadap golongan ini.

3.7 PERKHIDMATAN BAS PERCUMA PETALING JAYA

Majlis akan meneruskan program tanggungjawab sosial kepada masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan bas percuma yang akan dilancarkan pada bulan Mei 2014. Sasaran utama pengguna perkhidmatan bas percuma ini ialah penduduk Petaling Jaya sendiri, serta golongan pekerja dan pelajar. Inisiatif ini bertujuan memberi alternatif selain menggunakan kenderaan persendirian sebagai mod pengangkutan utama.

Majlis mensasarkan pengguna pengangkutan awam dapat ditingkatkan dan seterusnya membantu meredakan masalah kesesakan lalu lintas khususnya pada waktu puncak. Bagi melaksanakan dan menjayakan perkhidmatan bas percuma ini, Majlis telah bekerjasama dengan Syarikat Rapid Bus Sdn. Bhd., iaitu pengendali pengangkutan bas awam di negara ini. Sebanyak 10 buah bas diperuntukkan dengan kekerapan 10 hingga 15 minit setiap perjalanan yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengguna. Waktu perkhidmatannya akan bermula pada pukul 6.00 pagi sehingga 9.00 malam pada setiap hari.

Perkhidmatan bas percuma akan ke destinasi tumpuan utama di Petaling Jaya seperti stesen LRT, hospital, sekolah, institut pengajian tinggi, pejabat kerajaan dan pasar. Perjalanan perkhidmatan bas percuma ini meliputi laluan sejauh 28km dan akan bermula di Hub Bas PJS3 yang sedang dibangunkan oleh Majlis. Laluan perkhidmatan akan melalui Jalan Klang Lama, Jalan Templer, Jalan Othman, Jalan Yong Shook Lin, sekitar Pusat Bandar Seksyen 52, Jalan Penchala, Jalan Semangat, Jalan Universiti dan Jalan Gasing. (Laluan penuh adalah seperti di Lampiran 1).

Setiap bas akan dilengkapi dengan jaringan *wi-fi* percuma dan paparan LED yang disediakan kepada pengguna. Bas percuma ini juga boleh digunakan dan memberi keutamaan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Perkhidmatan bas percuma ini merupakan salah satu inisiatif ke arah Petaling Jaya Bandar Raya Hijau Berkarbon Rendah dan dapat menggalakkan penggunaan pengangkutan awam khususnya di Pusat Bandar Seksyen 52.

3.8 **OPERASI PENGUATKUASAAN**

Majlis telah melaksanakan operasi penguatkuasaan “Ops Sabun” iaitu operasi ke atas aktiviti pusat cuci kereta tanpa lesen bermula 22 Februari 2014 sehingga kini. Sebanyak 273 tindakan sitaan telah diambil di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBPJ) 2007.

Operasi ini bertumpu di kawasan awam dan persendirian bagi tindakan perniagaan tanpa lesen. Tambahan lagi, Majlis telah melaksanakan operasi bersepadu bersama Jabatan Imigresen bagi membanteras Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah diadakan pada 14 April 2014 melibatkan kawasan pasar malam SS 2. Seramai 15 orang warga asing telah ditahan untuk siasatan lanjutan oleh Jabatan Imigresen. Manakala pada 17 April 2014 operasi di pasar malam Kayu Ara dan gerai Majlis di Jalan 223 telah dijalankan, sebanyak 40 orang warga asing yang terdiri daripada 16 warga Bangladesh, 11 Indonesia, 6 Myanmar dan 7 India telah di tahan untuk siasatan selanjutnya.

Majlis juga telah melaksanakan operasi perobohan binaan tanpa kebenaran di bawah talian rentis TNB di PJS 8/9, Petaling Jaya bersama agensi luar seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Imigresen, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pejabat Tanah Daerah Petaling dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor pada 9 April 2014. Majlis telah mengambil tindakan meroboh terhadap 57 gerai tanpa kebenaran di kawasan tersebut. Tapak rentis TNB

tersebut akan dijadikan sebagai tapak letak kereta dan perhentian teksi bagi kegunaan awam. Dianggarkan sebanyak 200 tempat letak kereta akan disediakan bagi kemudahan orang ramai.

3.9 JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT (JKAPK) PIHAK BERKUASA TEMPATAN Selangor

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) Pihak Berkuasa Tempatan Selangor ialah komponen penting dalam memastikan akauntabiliti dan pengurusan korporat yang efektif. Seiring itu, JKAPK Majlis ditubuhkan untuk menjalankan peranan sebagai satu badan bebas bagi memastikan wujud sistem *check and balance* dalam pengurusan kewangan dan pengurusan korporat. Majlis ada menerima aduan mengenai tingkah laku pegawai dan kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada penduduk. Walaubagaimanapun, aduan tersebut dianggap tidak berasas disebabkan pengadu tidak memberikan maklumat serta bukti yang kukuh bagi membolehkan siasatan dijalankan.

Mulai 29 Jun 2010, Majlis telah melaksanakan Polisi Aduan Salah Laku dengan menggunakan kaedah *whistle blowing*. Ia merupakan satu mekanisme dalaman kepada pekerja Majlis atau mana-mana pihak bagi menyalurkan aduan, laporan dan maklumat berhubung dengan penyelewengan, salah laku, amalan-amalan salah dari segi peraturan Majlis dan tidak sah dari segi undang-undang yang dilakukan oleh kakitangan atau pengurusan, Ahli Majlis atau pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung serta mendapat maklum balas mengenai tindakan yang telah diambil terhadap laporan tersebut.

Majlis komited untuk mengurus dan menyiasat semua jenis aduan, laporan atau maklumat yang diterima daripada pengadu atau pemberi maklumat. Majlis juga memberi jaminan identiti pengadu atau pemberi maklumat akan dirahsiakan dari mana-mana pihak yang berkaitan dan selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) yang telah dikuatkuasakan pada 15 Disember 2010.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA BILANGAN 2 TAHUN 2014 (SESI 2014/2015)

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 2 Tahun 2014 bertarikh 26 Mac 2014 telah diluluskan tanpa pindaan.

SULIT**5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 2 TAHUN 2014 YANG TELAH DIADAKAN PADA 26 MAC 2014. (PENGGAL 2014/2015)**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
6.7 6.7.1	CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 14 MAC 2014 - Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan pandangan daripada Puan Sia Siew Chin berkaitan perkhidmatan bas percuma di laluan SS 2/24 dan SS 2/5 memandangkan terdapat 2 buah pusat NGO di laluan tersebut.	<p>Laluan bas bagi Perkhidmatan Bas Percuma yang telah dipilih oleh Majlis lebih merupakan kepada laluan percubaan bagi menyokong pelaksanaan projek perintis kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur Pusat Bandar Seksyen 52 khusus bagi mengurangkan masalah kesesakan lalulintas disekitar Pusat Bandar.</p> <p>Selain itu, projek Perkhidmatan Bas Percuma ini memberikan khidmat sosial di kawasan Petaling Jaya Selatan dan sekiranya projek ini berjaya mencapai matlamatnya dalam menggalakkan penduduk Petaling Jaya menggunakan pengangkutan awam semasa berada di kawasan Pusat Bandar Seksyen 52 maka, Majlis akan mempertimbangkan untuk memberikan perkhidmatan di kawasan-kawasan lain di Petaling Jaya yang memerlukan perkhidmatan ini.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
6.7.3	<ul style="list-style-type: none"> - Tuan Ir. Lee Suet Sen turut mencadangkan agar MBPJ memberi penjelasan kepada penduduk laluan yang dipilih dan atas dasar apa laluan tersebut dipilih agar penduduk faham konsep Majlis. 	Majlis akan membuat hebahan kepada penduduk semasa sesi pelancaran Perkhidmatan Bas Percuma ini oleh Datuk Bandar pada bulan Mei dan Jun 2014.

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 2 APRIL, 11 APRIL DAN 23 APRIL 2014.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (9)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (11)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (13)]

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.

6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 21 MAC 2014, 24 MAC 2014, 4 APRIL 2014, 14 APRIL 2014 DAN 21 APRIL 2014.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (11)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (12)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (18)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (20)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (22)]

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

- 6.2.2 YBhg. Datin Paduka Pengerusi berharap agar status maklumat projek yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tender dimasukkan ke dalam laman web MBPJ untuk makluman penduduk seperti butir-butir berikut:-
- i) Projek diluluskan
 - ii) Kos projek
 - iii) Tarikh siap
- 6.2.3 YBhg. Datin Paduka Pengerusi turut mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Tender dan Kontrak yang berusaha menyelesaikan dokumen-dokumen tender dan sebut harga.
- 6.2.4 Berkaitan dengan projek MARRIS, YBhg. Datin Paduka Pengerusi meminta agar Ketua Jabatan menyalurkan senarai projek penting kepada Pengarah Jabatan Kejuruteraan. Beliau turut berharap agar Ketua Jabatan/Bahagian mengambil perhatian agar menyediakan bajet penyelenggaraan yang mencukupi bagi menyelenggara projek yang telah dilaksanakan.
- 6.2.5 Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud meminta agar Jabatan/Bahagian terlibat lebih fokus terhadap kerja-kerja penyelenggaraan terhadap projek-projek sedia ada mengikut jadual yang ditetapkan bagi mengurangkan masalah aduan di kawasan Petaling Jaya. Menurut beliau lagi masalah penyelenggaraan adalah penyumbang utama kepada bertambahnya aduan di kalangan penduduk Petaling Jaya.
- 6.2.6 Encik Halimey bin Abu Bakar mencadangkan agar peruntukan MARRIS dipanjangkan kepada penyelenggaraan dewan dan bukan longkang dan jalan sahaja.
- YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan bahawa peruntukan MARRIS adalah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk jalan dan longkang dan tidak boleh dipanjangkan kepada penyelenggaraan dewan.
- 6.2.7 Encik Lee Suet Sen mendapati kerja-kerja penyelenggaraan yang ada adalah kerja harian yang perlu dibuat sebelum aduan atau kerosakkan sesuatu projek.
- 6.2.8 YBhg. Datin Paduka Pengerusi berharap agar jabatan/bahagian terlibat mengambil kira bajet penyelenggaraan bagi tahun depan dan bukan menunggu ada aduan kerosakkan baru tindakan diambil.

- 6.2.9 Encik Jeyaseelan a/l T. Anthony meminta agar Jabatan Kejuruteraan memantau kerja-kerja penurapan jalan oleh SYABAS kerana hasil pemerhatian beliau didapati setiap kali SYABAS mengorek jalan, tampalan yang dibuat tidak rata dan jalan akan rosak semula.

Tuan Dr. Streram al/ Sinnasamy juga memaklumkan terdapat projek-projek oleh SYABAS seperti di Jalan SS 1 Kg. Tunku, dimana terdapat masalah lain seperti banjir. Sehubungan dengan itu, SYABAS perlu mengambil langkah-langkah keselamatan semasa dan selepas sesuatu projek yang dijalankan agar tidak menimbulkan kesusahan kepada penduduk Petaling Jaya.

Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa deposit untuk kerja-kerja mengorek jalan adalah minima RM70 per meter persegi dan kajian semula sedang dijalankan memandangkan tempoh enam (6) bulan adalah terlalu lama dan tidak bersesuaian.

Selain daripada itu, Pengarah Jabatan Kejuruteraan turut memaklumkan bahawa mesyuarat bersama SYABAS dan TNB akan diadakan bagi penyelarasan semula kerja-kerja pengorekkan jalan serta syarat dua (2) tahun diambil kira agar tiada projek pengorekan jalan dilakukan di kawasan tersebut.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

- 6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 8 APRIL 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (37)]**

- 6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandar, MBPJ.

- 6.3.2 Encik Lee Suet Sen meminta agar senarai nama Inspektor Kesihatan yang memantau kawasan kontraktor dipaparkan sama ada di papan kenyataan, flyers dan agihan kepada RT dan RA.

- 6.3.3 Memandangkan senarai nama tersebut telah dimasukkan di dalam laman web MBPJ, Encik Oon Chong Lin mencadangkan agar Ahli Majlis kawasan mencetak senarai tersebut untuk diagihkan sendiri kepada RT dan RA masing-masing bagi menjimatkan kos cetakan.
- 6.3.4 Selain daripada itu, Encik Tony Cheong Siew Thong mencadangkan agar Jabatan Kesihatan Persekutaran `stand by' untuk menukar papan tanda jadual kerja bagi paparan senarai kontraktor yang baru.
- 6.3.5 YBhg. Datin Paduka Pengerusi meminta agar senarai kontraktor baru yang telah siap diagihkan kepada Ahli Majlis untuk rujukan.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekutaran, MBPJ.

- 6.3.6 Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud memaklumkan bahawa MBPJ lebih fokus dan memantau kontraktor pembersihan sedangkan yang menyumbang kepada pembuang sampah terbesar adalah penduduk. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar jabatan berkaitan menguatkuaskan undang-undang agar penduduk lebih berdisiplin dan bandar Petaling Jaya bebas daripada sampah.
- 6.3.7 Encik Oon Chong Lin menyokong cadangan daripada Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud dan meminta agar Jabatan Kesihatan Persekutuan menambah bilangan tong-tong sampah di kawasan yang tiada tong sampah seperti di Jalan SS 9A/1.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekutaran, MBPJ,
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.**

- 6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 10 APRIL 2014 DAN 25 APRIL 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (4)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (6)]**

- 6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

6.4.2 YBhg. Datin Paduka Pengurus turut memaklumkan setelah semakan dengan PWN, kontrak sewaan secara rundingan terus ini tidak perlu mendapat kelulusan Kerajaan Negeri. Perkara ini adalah sewaan untuk memindahkan sementara bengkel ke satu tempat iaitu di Jalan Tandang dan sewa tidak melebihi 2 juta iaitu 1.9 juta untuk tempoh 3 tahun.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 14 APRIL 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD 2 (27)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan minit seperti berikut:-

Perkara 7.1 i) di muka surat 14 dipinda seperti berikut:-

i. Masalah longgokan sampah oleh penjaja tanpa lesen yang bermula di bawah jejantas berhampiran LDP dan Jalan SS 8/7 dengan membawa kenderaan sendiri ke kawasan tersebut.

Perkara 7.4 ii) di muka surat 16 dipinda seperti berikut:-

ii. kediaman di Sungai Way melibatkan kebanjiran pekerja asing.

a) Tuan Pengurus meminta Jabatan Kesihatan Persekutuan untuk mengambil tindakan berhubung perkara ini dengan dikeluarkan Notis kepada pemilik-pemilik kediaman terbabit.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutuan, MBPJ.

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 15 APRIL 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (73)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut dengan di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

- 6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 15 APRIL 2014.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (2)]

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

- 6.8 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BERTARIKH 16 APRIL 2014.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (2)]

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

- 6.9 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 17 APRIL 2014.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 (109)]

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.

- 6.10 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 22 APRIL 2014.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (87)]

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN**7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN**

7.1.1 Beliau mengucapkan tahniah di atas penarafan 4 bintang kepada MBPJ. Menurut beliau lagi yang lebih penting Majlis mestilah mensasarkan untuk mendapat penarafan 5 bintang di masa akan datang. Berbanding dengan MPSJ, kawasan MBPJ adalah lebih stabil akan tetapi terdapat kekurangan yang perlu diperbaiki seperti masalah aduan tahun 2012 dan 2013 yang tidak diselesaikan sehingga sekarang.

Selain daripada itu beliau berharap agar 'Drain Gang' yang kini dikenali sebagai PANTAS hendaklah bertindak ke atas aduan-aduan. Pengarah Jabatan Kejuruteraan akan menyemak perkara ini dan memaklumkan bahawa jabatan telah melantik kontraktor berjadual untuk 7 zon. Segala aduan yang diterima terus diambil tindakan.

7.1.2 Beliau berharap agar MBPJ menjadi 'Top Liveable in the world' dalam masa 4 atau 5 tahun lagi. YBhg. Datin Paduka Penggerusi meminta agar pengarah-pengarah jabatan membuat senarai semak. Sebenarnya MBPJ dah menganjurkan program bertaraf antarabangsa seperti *PJ International Fair* dan selepas ini MBPJ akan ke arah *International Liveable*.

7.1.3 Selain daripada itu beliau meminta agar taklimat KIDEX dipercepatkan.

7.1.4 Beliau turut mencadangkan agar kertas kerja berkaitan *Liveable City* dimasukkan sebagai agenda Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Mampan pada bulan Mei ini.

**Tindakan : Pengarah Aduan Awam, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH

7.2.1 Beliau meminta agar Unit Aduan Awam lebih fokus kepada maklumbalas aduan. Jawapan status aduan hendaklah dikemukakan kepada pengadu untuk makluman.

- 7.2.2 YBhg. Datin Paduka Pengerusi berharap agar sistem aduan diselesaikan dalam bulan April ini memandangkan SOP aduan telah siap dibuat.

**Tindakan : Pengarah Aduan Awam, MBPJ,
Timbalan Pengarah, Teknologi Maklumat, MBPJ.**

- 7.2.3 Beliau berharap agar Unit Perhubungan Awam dapat menjawab kenyataan negatif akhbar berkaitan penutupan jalan oleh Majlis seperti di Seksyen 52. Maklumkan kenapa jalan perlu ditutup dan apakah projek yang sedang dijalankan dan kepentingan projek kepada penduduk Petaling Jaya.

Tindakan : Pengarah, Unit Perhubungan Awam, MBPJ.

7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL

- 7.3.1 Beliau turut membangkitkan isu sistem aduan di mana terdapat aduan seperti di Seksyen 5, Gasing Indah di mana aduan telah dipanjangkan kepada jabatan berkaitan akan tetapi jawapan adalah kurang memuaskan. Beliau berharap agar Majlis dapat melihat sistem MAXIS yang lebih baik daripada sistem aduan di Petaling Jaya. Menurut beliau lagi MPSJ mendapat penarafan 5 bintang disebabkan sistem aduannya berfungsi. MBPJ sering dijadikan peneraju di dalam semua projek, akan tetapi PBT yang follow lebih berkesan daripada kita. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar MBPJ mengambil perhatian serius dalam menangani sistem aduan agar lebih berkesan.

**Tindakan : Pengarah Aduan Awam, MBPJ,
Timbalan Pengarah, Teknologi Maklumat, MBPJ.**

7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ANG MING ERN

- 7.4.1 Beliau mencadangkan tarikh sistem aduan selari dengan SOP aduan. YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan bahawa SOP aduan telah siap akan tetapi sistem aduan masih belum disiapkan lagi.

Tindakan : Timbalan Pengarah, Teknologi Maklumat, MBPJ.

- 7.4.2 Beliau ingin tahu apakah status hebahan ke atas PJ International Fair yang akan berlangsung pada 17 – 23 Jun 2014 akan datang.

Tindakan : Pengarah, Unit Perhubungan Awam, MBPJ.

7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TONY CHEONG SIEW THONG

- 7.5.1 Encik Tony Cheong Siew Thong berpandangan MBPJ perlu fokus terhadap masalah berkaitan aduan dan maklumbalas aduan untuk menjadi PBT teratas dan untuk mencapai *Liveable City*. Sehubungan dengan itu sistem aduan perlu disiapkan sepenuhnya dan memenuhi kehendak pelanggan.

**Tindakan : Pengarah Aduan Awam, MBPJ,
Timbalan Pengarah, Teknologi Maklumat, MBPJ.**

7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SURIASE A/L GENGIAH

- 7.6.1 Beliau berharap agar pelantikan kontraktor pembersihan dipercepatkan memandangkan setelah kontraktor pembersihan yang tidak *perform* dipecat baru-baru ini, kawasan beliau tiada kontraktor pembersihan. Selain daripada itu, Majlis tidak mempunyai *backup* kontraktor bagi menggantikan kontraktor yang dipecat.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.

- 7.6.2 Beliau berharap agar Timbalan Pengarah, Sumber Manusia mengkaji semula kenaikan gred bagi pegawai dan pengarah di MBPJ.

- 7.6.3 Selain daripada itu beliau memaklumkan Kerajaan Negeri ada mencadangkan untuk melantik pegawai dan pengarah MBPJ yang telah bersara ke jawatan *Contract For Service* bersesuaian dengan pekeliling daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Tindakan : Timbalan Pengarah, Sumber Manusia, MBPJ.

**PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN DR. STRERAM
A/L SINNASAMY**

- 7.7.1 Beliau berpendapat adalah lebih mudah sekiranya MBPJ melantik pekerja asing untuk menangani masalah pelantikan kontraktor yang berprestasi rendah. Selain daripada itu beliau turut menyokong tindakan penguatkuasaan kepada orang awam bagi menangani masalah kebersihan di kawasan Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan
Keselamatan, MBPJ.**

7.8 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN SIA SIEW CHIN

- 7.8.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada MBPJ di atas pelancaran bas percuma. Beliau berharap agar MBPJ meminta pendapat daripada OKU untuk menyediakan stesen bas mesra OKU di tempat-tempat yang diperlukan.
- 7.8.2 Beliau turut mencadangkan agar bas percuma melalui kawasan SS2/24 atau Jabatan Kejuruteraan menyediakan pejalan kaki OKU ke Jalan Semangat untuk memudahkan OKU mendapatkan bas percuma di situ.
- 7.8.3 Beliau turut memohon status menaiktaraf pasar Old Town. YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan kajian terperinci perlu dibuat dengan mengambilkira peniaga sedia ada yang berniaga di kawasan tersebut.
- 7.8.4 Beliau turut memaklumkan bahawa Kuil Hindu di Bukit Gasing tidak mesra OKU di mana tidak memberarkan OKU memasuki kawasan tersebut.

YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan bahawa Kuil Hindu tersebut merupakan kawasan persendirian dan terpulang kepada pihak kuil untuk membenarkan atau melarang individu untuk memasuki kawasan tersebut.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.



PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD

- 7.9.1 Beliau bersetuju dengan pandangan YBhg. Datin Paduka Pengerusi berkaitan perancangan jangka pendek dan jangka panjang berkaitan kerja-kerja menaiktaraf pasar PJ Old Town.
- 7.9.2 Beliau turut membangkitkan isu sampah yang tidak berkesudahan di mana tahun lepas sahaja MBPJ telah membelanjakan 25% daripada RM55 juta untuk urusan tersebut. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar sampah-sampah yang dikutip dikitar semula bagi mendapat keuntungan.
- 7.9.3 Selain daripada itu, penguatkuasaan undang-undang secara berterusan adalah sebagai salah satu dari pembelajaran untuk mendidik orang awam agar lebih berdisiplin dalam menguruskan kebersihan di Petaling Jaya.
- 7.9.4 Beliau turut berharap agar pelantikan kontraktor pembersihan dibuat dengan lebih teratur dan dipercepatkan.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.

7.10 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YM. PUAN RAJA FAIRUZ BINTI RAJA MAZLAN

- 7.10.1 Beliau sebagai mewakili penduduk berpendapatan rendah di mana di dalam Mesyuarat Agong Pangsapuri kos rendah telah membuat permohonan agar disediakan taman permainan. Menurut beliau lagi di dalam RTPJ setiap pembangunan perumahan mesti ada taman perumahan.
- 7.10.2 Selain daripada itu, beliau mengemukakan agar isu rumah panjang di PJS 1/52 diselesaikan.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

- 7.10.3 Beliau berharap agar MBPJ memberi peluang pekerjaan kepada ibu-ibu tunggal dari mengambil pekerja di kalangan warga asing. YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan bahawa MBPJ telah dan sedang dalam tindakan mengambil ibu tunggal di bawah garis kemiskinan sebagai pekerja *contract for service*. Prestasi kerja ibu-ibu tunggal ini amat memberangsangkan di mana mereka bersaing sesama sendiri

bagi memastikan tahap kebersihan maksima ditempat-tempat yang dikendalikan oleh mereka.

Tindakan : Pengarah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.

7.11 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZIZI BIN ARIFFIN

7.11.1 Berbanding dengan Puan YM Raja Fairuz bin Raja Mazlan, beliau sebagai wakil penduduk perumahan mewah menyuarakan rasa tidak puas hati penduduk terhadap MBPJ kerana di kawasan tersebut iaitu Zon 22 dan 17 tiada bajet untuk pembangunan.

7.11.2 Selain daripada itu beliau menyentuh masalah penyelenggaraan pokok di tasik komuniti di mana beliau dimaklumkan tiada bajet untuk penyelenggaraan tersebut.

7.11.3 Bagi isu menangani isu air Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar diminta untuk menggunakan air tasir bagi tujuan menyiram pokok.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 01.05 petang. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.



(PUASA BIN MD TAIB),
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 6 April 2014



HADIR:

- | | | | |
|-----|---|---|-----------|
| 01. | YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad,
Datuk Bandar, MBPJ. | - | Pengerusi |
| 02. | Tuan Ir. Lee Suet Sen,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 03. | Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 04. | Encik Tang Fuie Koh,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 05. | Puan Cynthia Gabriel,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 06. | Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 07. | Encik Tony Cheong Siew Thong,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 08. | Encik Azri bin Mohamad Arish,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 09. | Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 10. | Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 11. | Encik Teh Chi-Chang,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 12. | Encik Oon Chong Ling,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 13. | Encik Ang Ming Ern,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 14. | Tuan Dr. Streram a/l Sinnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 15. | Encik Halimey bin Abu Bakar,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |



16. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Azizi bin Ariffin,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Puan Sia Siew Chin,
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Tuan Haji Ahmat Mohayen bin Haji Said,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.
11. Puan Norzita binti Mokhtar,
Wakil Pengarah (Undang-undang), Unit Perundangan, MBPJ.

SULIT

12. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Pengarah (Perhubungan Awam), Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,
Pengarah Audit Dalam, Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. Y.M Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,
Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Encik Lee Lih Shyan,
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
16. Cik Norshabani binti Johari,
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
18. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
19. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Timbalan Pengarah (Pelesenan), Bahagian Pelesenan, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd. Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
21. Tuan Haji Ahmad Johari bin Salleh,
Penolong Pengarah Kanan (Korporat),
Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. Encik Billy Wong,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Encik Ho Fook Chuan,
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya.
03. Encik Peter Chong,
Wakil Ahli Parlimen Subang.



SULIT

04. Y.B Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,
ADUN Bukit Gasing.
05. Puan Chan Shi Song,
Wakil ADUN Damansara Utama.

URUSETIA :

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Puan Suriyati binti Othman,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

